

Headline	<b>Malaysia specialist share experience e-kerajaan (Paka...</b>
Date	<b>11. Jan 2007</b>
Media Title	<b>Berita Harian</b>
Section	<b>Ekonomi</b>
Circulation	<b>217991</b>
Readership	<b>762968</b>
Language	<b>MALAY</b>
Page No	<b>EK2</b>
Article Size	<b>163 cm<sup>2</sup></b>
Frequency	<b>Daily</b>
Color	<b>Full Color</b>



# Pakar Malaysia kongsi pengalaman e-kerajaan

**S**EKUMPULAN pakar dan pelaksana e-kerajaan Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia akan berkongsi pengalaman negara ini sepanjang persidangan mengenai e-transaksi yang akan berlangsung di Riyadh, Arab Saudi, bermula 14 hingga 16 Januari ini.

Kumpulan itu yang diketuai Multimedia Development Corporation (MDeC) serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, akan mengadakan pertemuan dengan beberapa agensi kerajaan Arab Saudi bagi membangun dan berkongsi pengalaman Malaysia berkaitan projek e-kerajaan yang dimulakan 11 tahun lalu.

Dalam kenyataan di Kuala Lumpur semalam, MDeC berkata perkongsian pengetahuan itu ialah untuk membantu Arab Saudi mengurangkan tempoh pembangunan dan meminimumkan masalah serta kesilapan berkaitan inisiatif e-kerajaannya.

Kumpulan itu merangkumi pelaksana utama MSC Malaysia dan pemaju sektor swasta seperti MSC Technology Centre, Mimos Bhd, MRCB Multimedia dan Scans Associates, yang akan menghadiri persidangan e-transaksi di Riyadh itu.

Ketua Eksekutif MDeC, Badlisham Ghazali akan menyampaikan ucapan tama mengenai 'Dimensi Strategik Transaksi e-Kerajaan'.

Badlisham berkata, agensi Malay-

sia mempunyai pengetahuan dan kepakaran meluas dalam memajukan inisiatif e-kerajaan serta mahu berkongsi pengalaman mereka.

"Pengalaman dan pengetahuan Malaysia dalam melaksanakan MSC dan pelbagai projek e-kerajaan seperti sistem maklumat pengurusan sumber manusia, e-pemerolehan e-bil dan e-pengurusan kepada rangkaian perkhidmatan kerajaan yang lain, boleh menjadi sumber pentin kepada jawatankuasa bertindak e-kerajaan Arab Saudi," katanya.

Beliau berkata, satu lagi bidang penting ialah pembangunan aplikasi keselamatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta sistem maklum balas kecemasan.

Kerajaan Arab Saudi sedang melaksanakan projek e-kerajaan meliputi beberapa bandar penting termasuk Madinah, Riyadh dan Jeddah bagi menyusun semula perkhidmatan dan pentadbiran awamnya.

Badlisham berkata, dengan Malaysia bertindak sebagai pengurus Perhubungan Persidangan Islam (OIC), adalah tepat pada masanya bagi Malaysi berkongsi kepentingan maklumat dan pengetahuan dengan Arab Saudi.

Katanya, rombongan itu juga akan mempromosikan Kongres Dunia mengenai Teknologi Maklumat 2008 yang akan dianjurkan Malaysia bermula 1 hingga 22 Mei 2008. - Bernama